

Anwar bertemu pengurusan 18 syarikat di Australia

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim bertemu pemimpin perniagaan dan eksekutif tertinggi 18 syarikat Australia di Melbourne bagi menggalakkan mereka mengembangkan perniagaan dan pelaburan di Malaysia.

Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan satu dengan satu untuk mendengar pandangan mereka ketika sesi perbincangan meja bulat.

Eksekutif syarikat yang terlibat daripada sektor pembuatan, termasuk peranti perubatan dan logam, serta sektor perkhidmatan seperti pusat data, kewangan dan perdagangan.

Anwar berkata, Malaysia di bawah kepemimpinannya, melaksanakan dasar yang jelas dan berkesan yang menyumbang kepada tahap pelaburan yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Kami memperkenalkan dasar baharu dengan jelas. Dan hasilnya, kami meraih pelaburan perdagangan domestik dan asing, yang

tertinggi dalam sejarah (Malaysia)," katanya seperti dilaporkan Bernama.

Anwar kini berada di Australia mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Tahunan antara Pemimpin Malaysia-Australia Kedua (ALM) pada 4 Mac dan Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia bermula semalam hingga hari ini.

Semasa di negara itu, Perdana menteri juga mengada pertemuan dengan Perdana Menteri Thailand, Srettha Thavisin berbilang mengenai perkembangan berhubung Kawasan

Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJDA).

"Pertemuan santai itu memberi peluang kepada kami untuk bertukar pandangan mengenai kemajuan inisiatif yang dipersetujui bersama yang secara langsung akan menambah nilai kepada usaha merapatkan hubungan dua hala.

"Selain itu, Malaysia mengulangi komitmen sebagai fasilitator dalam membantu menyelesaikan konflik di selatan Thailand," katanya dalam kenyataan semalam.



ANWAR Ibrahim bergambar dengan ketua-ketua delegasi ketika Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia di Melbourne, Australia semalam.. - AFP